

Keluarga Dengan Anak Vs Keluarga Tanpa Anak dalam Islam

Nabilah Azamuddin
Pavithra Tana Segeran
Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia bushrah@utm.my

Suggested Citation:

Azamuddin, Nabilah; Segeran, Pavithra Tana; & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Keluarga Dengan Anak vs Keluarga Tanpa Anak dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 55-67, ISBN: 978-967-2171-91-1.

Abstract

Kajian ini adalah mengenai keluarga ada anak dengan keluarga tanpa anak dalam Islam. Terdapat beberapa penerangan yang dibincangkan dalam kertas kajian ini bagi menjelaskan konsep kajian ini. Antaranya ialah tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa, kelebihan keluarga ada anak dan hikmah keluarga tidak dikurniakan anak. Selain itu, cabaran yang perlu dilalui oleh keluarga ada anak dan keluarga yang tidak dikurniakan anak. Namun, setiap cabaran yang dilalui semestinya ada cara untuk mengatasinya terutamanya bagi keluarga yang tiada anak. Oleh yang demikian, tindakan yang sesuai ada dibincangkan dalam kajian ini bagi diaplikasikan oleh setiap pasangan yang berkahwin. Kaedah yang digunakan bagi menyempurnakan kajian ini adalah dengan membuat rujukan daripada buku, jurnal, surat khabar serta web institusi kerajaan dan swasta. Hasil kajian ini dapat memberi penerangan lebih jelas kepada orang ramai mengenai keluarga yang dikurniakan zuriat dengan tidak dikurniakan zuriat dalam konteks Islam serta bagaimana perkara tersebut dapat memberi impak dalam kehidupan seharian. **Kata Kunci:** Anak, anak angkat, tanggungjawab, ibu bapa

References

- Abdul Jamal, Nor Rashidah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Persepsi Pelajar SPI yang Berkahwin Tentang Perkahwinan Semasa Belajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad Sanusi, Abu Fuad Firdaus. (2005). *Pedoman Pendidikan Islam sejak Anak dalam Kandungan*. Kuala Lumpur: Pustaka Abu Hurairah.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Alias, Hasbullah Hafiz, Abdul Hamid, Mohd Hakimi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Melayar Keluarga yang Cemerlang dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Anshor, Maria Ulfah, & Ghalib, Abdullah. (2010). *Parenting with Love: Panduan Islamik Mendidik Anak Penuh Cinta dan Kasih Sayang*. Bandung: Mizania - Publisher.
- Arifin, Latifah. (2019, April 9). Jaga ibu bapa wajib lepas kahwin. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/550542/jaga-ibu-bapa-wajib-lepas-kahwin>
- Ayoup, Muhammad Mushfique Bin Ahmad. (2019). IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-356: TANGGUNGJAWAB ANAK TERHADAP IBUBAPA. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3212-irsyad-al-hadith-siri-ke-356-tanggungjawab-anak-terhadap-ibubapa>
- Dalip, Abdul Raof. (2006). *Rahsia Di Sebalik Jodoh & Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn.Bhd.
- Daud, Mustaffa. (2005). *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- Ghazali, Khairul. (2005). *Kisah-kisah doa dan taubat para nabi*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.

- Hamzah, Naemah. (2017). Nikah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Kedua ed., Vol. 1, pp. 140-142). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persekutuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Hamzah, Naemah, Mustari, Mohd Ismail, & Basiron, Busharah. (2015). Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *5*(1), 13.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ilahi, Karim. (2000). *Jodoh Perkahwinan & Rumahtangga Bahagia*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Isa, Mohd, Fahmi, Arif, Yahya, Muhd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Wanita dan Perkahwinan dalam Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, Ahmad Tarmiizi. (2018, Oct 21). Patuhi hukum syarak ambil anak angkat. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.pressereader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20181021/282179357062239>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008). *Perkahwinan Semasa Belajar: Kebaikan dan Keburukannya dalam Pembangunan Pelajar Universiti*. Kertas kerja Dibentangkan di Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Dewan Sultan Ismail, UTM. <http://eprints.utm.my/41079/1/Perkahwinan-Semasa-Belajar-Kebajikan-dan-keburukannya-dalam-Pembangunan-Pelajar-Universiti>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Bukti Kewujudan Allah dan Kebenaran Al-Quran: Surah al-Baqarah (2: 21-25)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018f). *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 5: Program Budaya al-Quran. 16hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019a). *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 18: Program Budaya al-Quran, 31 Januari 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019b). *Jasa Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 123-129)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Kadir, A.M.S. (2014). *Projek Anak Luar Biasa*.
- Kamsah, Mohd. Fadhilah. (2005). *Kaedah Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Khalid, Norfaezah Md. (2016). Kesan kefunsian keluarga asal, pembezaan sendiri, dan sikap terhadap peranan gender ke atas kualiti perkahwinan. 305.
- Latiff, Dr. Khalib Abdul. (2014). Anak Istimewa: Anugerah paling berharga. *WARIS*, 3, 47.
- Md Saman @ Osman, Asri. (2012). *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohamad Fauzi, Muhammad Shafiq, Mohd Sofian, Siti Nur Akira, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Persediaan Asas ke Gerbang Perkahwinan*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Mohamed, Zahazan. (2006). *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Isa, Arif Fahmi, Yahya, Muhd, Aizat, & Jasmi, Kamarul Azmi (2012). *Wanita dan Perkahwinan dalam Islam. Prosiding Seminar Tamadun 2012*, 13.
- Mohd Yusof, Ahmad Nazri (2017, Februari 15). Memahami Matlamat Perkahwinan. *BH online*.
- Muhamad, Hasimi. (2019). Ramai suami isteri di Malaysia enggan tamabah jumlah anak. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ramai-suami-isteri-di-malaysia-enggan-tambah-jumlah-anak-212410>
- Mun, M.T.A.A. (2010). *Meraih Berkah Dengan Menikah*. Yogyakarta: Pustaka Marwa.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafar, Farrah Wahida, & Badhrulhisham, Adam. (2018). Konsep Poligami Mengikut Perspektif Para Isteri dalam Jemaah Global Ikhwan Sdn. Bhd. *Maw'izah*, 1(65-88), 24.

- Nazri, Mohd Kahirul Nizam Zainan. (2014). *Buat Pahala Free Gaya Rasullulah* (1 ed.). Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Noor, Halina Mohd. (2014). Cabaran Keluarga dwikerja. *Berita Harian*.
- Pusat Penyelidikan Islam Malaysia. (1994). *Tanggungjawab Ibu Bapa dan Anak Menurut al-Quran dan Sunnah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Razak, Ratna Roshida Abd., & Hussain, Nik Haslida Nik. (2007). Peranan intitusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamdun. *Kemanusiaan*, 5.
- Razhiyah, K.A. (2006). *Anak istimewa panduan bagi ibubapa membesarkan anak istimewa* (Nor Hafizah Samsudin Ed.). Bentong: PTS Professional Publishing SDN bhd.
- Said, Sakini Mohd. (2018, 2 Nov). Cabaran Kritikal Institusi Kekeluargaan. *Bernamea*. Retrieved from <http://bernama.com/bm/news.php?id=1660671>
- Saidun, Salilah, & Daud, Auni Aslah Mat. (2017). *Anak, Jika Tiada Bersangka Baiklah Dengan Allah* (Nabilah Saiful Bahrin Ed. 1 ed.). Batu Caves: Must Read Sdn Bhd.
- Shamimi, Intan Mas Ayu. (2019). Cabaran didik anak seiring zaman. *Harian metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/01/300280/cabaran-didik-anak-seiring-zaman>
- Shamsuriyadi, Mohd. (2014). *21 Formula Murah Rezeki: Formula Terbaik...Kembali Kepada Islam*. Kuala Kangsar: Ebook Media Publishing.
- Sulaiman, Saat. (2008). Anak adalah anugerah. Cheras: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Tahir, Endok Sempo Mohd. (2008). *Mengapa Saya Bekerja? Cerita-cerita Inspirasi Wanita Bekerjaya* (Siti Nor Fadilah Salleh, Nor Hafizah Mohd Samsudin, & Nahddatun Nisaak Othman Ed.). Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Wahab, Suhaida Abdul. (2018). Buat Pasangan Yang Diuji Belum Ada Rezeki Anak. *Mingguan Wanita*. Retrieved from <https://www.mingguanwanita.my/buat-pasanagn-yang-diuji-belum-ada-rezeki-anak/>
- Yussof, Asri. (2017). Bukti Dahsyatnya Doa Ibu - Doa Hannah, Ibu Maryam Untuk Mendapatkan Anak. Retrieved from <https://pts.com.my/berita/bukti-dahsyatnya-doa-ibu-doa-hannah-ibu-maryam-untuk-mendapatkan-anak>
- Zaki, Engku Ahmad. (2010). *Aku Nikah Akan Dikau*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Zulkifli, Ahmad Rabiul. (2019). Seronok beraya dengan 4 isteri, 14 anak. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/06/571818/seronok-beraya-dengan-4-ister-14-anak>.

5

KELUARGA DENGAN ANAK VS KELUARGA TANPA ANAK DALAM ISLAM

Nabilah Azamuddin
Pavithra Tana Segeran

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai keluarga ada anak dengan keluarga tanpa anak dalam Islam. Terdapat beberapa penerangan yang dibincangkan dalam kertas kajian ini bagi menjelaskan konsep kajian ini. Antaranya ialah tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa, kelebihan keluarga ada anak dan hikmah keluarga tidak dikurniakan anak. Selain itu, cabaran yang perlu dilalui oleh keluarga ada anak dan keluarga yang tidak dikurniakan anak. Namun, setiap cabaran yang dilalui semestinya ada cara untuk mengatasinya terutamanya bagi keluarga yang tiada anak. Oleh yang demikian, tindakan yang sesuai ada dibincangkan dalam kajian ini bagi diaplikasikan oleh setiap pasangan yang berkahwin. Kaedah yang digunakan bagi menyempurnakan kajian ini adalah dengan membuat rujukan daripada buku, jurnal, surat khabar serta web intitusi kerajaan dan swasta. Hasil kajian ini dapat memberi penerangan lebih jelas kepada orang ramai mengenai keluarga yang dikurniakan zuriat dengan tidak dikurniakan zuriat dalam kontek Islam serta bagaimana perkara tersebut dapat memberi impak dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: Anak, anak angkat, tanggungjawab, ibu bapa

PENGENALAN

Perkahwinan yang bertujuan untuk membina sebuah keluarga merupakan tunjang utama dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Langkah awal dalam pembentukan keluarga adalah melalui perkahwinan (Mun, 2010; Zaki, 2010; Hamzah, 2017). Menurut Islam, perkahwinan atau nikah boleh didefinisikan sebagai satu ikatan zahir dan batin antara seorang lelaki dan seorang wanita yang bakal digelar suami isteri setelah berkahwin (Abdul Jamal & Jasmi, 2006; Dalip, 2006; Daud, 2005; Ilahi, 2000; Mohd Yusof, 2017; Jasmi, 2008; Mohd Isa *et al.*, 2012; Mohamad Fauzi *et al.*, 2019; Isa *et al.*, 2012). Namun, dalam Islam perkahwinan atau pernikahan mempunyai syarat yang perlu diambil kira untuk memastikan sesebuah perkahwinan itu sempurna dan sah. Allah SWT menciptakan manusia secara berpasang-pasangan supaya mereka saling menyayangi, bertolak ansur dalam memberi dan menerima antara satu sama lain supaya dapat mencapai kedamaian jiwa dalam rangka memyokong pemghambaan kepada Allah SWT.

Dengan adanya anak hasil daripada sesebuah perkahwinan, maka bermulalah peranan suami isteri untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai ibu bapa manakala antara anak-anak akan wujud peranan sebagai adik-beradik. Dengan ini, wujudlah sebuah keluarga ideal dengan pelbagai peranan dan tanggungjawab seorang individu itu dalam memastikan hubungan kekeluargaan itu sentiasa terjalin. Bagi suami isteri yang bergelar ibu bapa, pembentukan keluarga yang seimbang perlu diambil kira dari pelbagai aspek antaranya komitmen kepada anak-anak serta rumahtangga, pendidikan yang sempurna kepada anak-anak serta kualiti sebagai ibu bapa (Ahmad Sanusi, 2005; Anshor & Ghalib, 2010; Kadir, 2014; Kamsah, 2005; Md Saman @ Osman, 2012; Mohamed, 2006; Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, 1994).

Lain pula cerita bagi mereka mempunyai keluarga tanpa kehadiran anak-anak, Keluarga kecil ini juga akan dibebani dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing kerana itulah lumrah dalam kehidupan seharian. Bagi keluarga tanpa anak ini, impaknya juga dapat dilihat melalui pelbagai sudut yang berbeza walaupun tidak mempunyai tanggungjawab terhadap anak-anak. Namun isu ini lebih banyak memberi kesan kepada golongan isteri yang sering dipalitkan dengan tanggapan negatif daripada masyarakat.

KELUARGA DENGAN ANAK

Di sini akan dibincangkan tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa, kelebihan dikurniakan anak dan cabaran keluarga dengan anak:

Tanggungjawab Anak Terhadap Kedua Ibu Bapa Menurut Persepektif Islam

Menjaga serta berbuat baik kepada ibu bapa merupakan kewajipan dan tanggungjawab anak-anak. Allah SWT berfirman :

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْأَلْفَ بِرَأْحٍ ۖ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Maksud: *Dan Tuhanmu perintahkan, supaya kamu tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah kamu menengking (menyergah) mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).*

(Surah *Isra'*, 17: 23)

Ayat ini menyentuh tentang tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapa serta adab yang perlu dijaga ketika bersama ibu bapa.

Syeikh al-Maraghi berkata bahawa Allah SWT sesungguhnya secara serius mewasiatkan anak-anak hendaklah bertanggungjawab kepada ibu bapa, sesiapa sahaja yang berderhaka kepada ibu bapa akan akan disiksa (Ayoup, 2019). Hal ini kerana wasiat SWT tersebut adalah supaya manusia bertauhid serta beribadah kepada-Nya disertakan dengan mentaati ibu bapa dan berbuat baik kepada mereka berdua (Jasmi, 2018d, 2018b, 2018f, 2018e, 2018c, 2018a, 2019a). Tanggungjawab ini terbahagi kepada dua, iaitu (Ayoup, 2019) tanggungjawab ketika ibu bapa masih hidup dan tanggungjawab selepas kematian ibu bapa.

Tanggungjawab Ketika Ibu Bapa Masih Hidup

Tidak meninggikan suara dan berlaku baik terhadap kedua-dua ibu bapa. Perintah ini sudah dijelaskan dalam surah *Isra'* (17: 23) sebelum ini. Seterusnya, anak-anak mestilah membantu ibu bapa dari sudut pemberian nafkah ketika mereka sudah tidak mampu untuk mencari nafkah untuk hidup mereka sendiri ketika tua. Pemberian nafkah ini berdasarkan kemampuan anak setakat yang mereka mampu berdasarkan hasil pencarian nafkah mereka sendiri. Perkara ini berdasarkan hadis Nabi SAW (Ibn Majah, 2009: 2137):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلَ الرَّجُلُ مِنْ كَسْبِهِ، وَإِنْ وَلَدَهُ مِنْ كَسْبِهِ.»

Maksud: 'A'ishah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan oleh seseorang adalah berasal daripada usahanya dan sesungguhnya anak seseorang adalah berasal daripada usahanya."

(Ibn Majah)

Selain itu, anak-anak hendaklah taat kepada ibu bapa dan tidak derhaka serta berdoa kepada mereka (Alias *et al.*, 2019). Doa yang dipohon dalam hadis (Muslim, t.th.: 1631) walaupun dinyatakan selepas kematian ibu bapa, namun ketika mereka hidup juga bahawa anak-anak digalakkan untuk berdoa kepada mereka berdua.

Tanggungjawab Selepas Kematian Ibu Bapa

Antara tanggungjawab selepas kematian ibu bapa ialah melangsaikan hutang ibu bapa kepada manusia. Selain melangsaikan hutang mereka, anak juga dituntut untuk sentiasa mendoakan ibu bapa kerana doa anak yang soleh kepada ibu bapa mereka yang meninggal dunia merupakan amalan yang berterusan adan tidak terputus. Hal ini berdasarkan sebuah hadis yang sahih (Muslim, t.th.: 1631):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.»

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Apabila meninggal dunianya seseorang anak Adam maka terputuslah segala amalannya di dunia kecuali tiga perkara, iaitu sedekah dan amal jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak-anak yang soleh yang sentiasa mendoakan mereka.

(Muslim)

Tambahan lagi, dalam al-Quran juga menjelaskan agar seorang anak hendaklah sentiasa mendoakan keampunan dan kerahmatan buat orang tua mereka melalui firman Allah SWT:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksud: Dan hendaklah kamu merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil."

(Surah al-Isra', 17: 24)

Kemudian, agama Islam amat mengalakkan setiap umatnya menyambung pertalian silatulrahim. Oleh itu, anak-anak digalakkan menziarahi rakan kepada kedua ibu bapa mereka. Perkara ini jelas berdasarkan nas berikut (Al-Bukhari, 2001: 2067):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَةً.»

Maksud: *Anas bin Malik RA berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Barangsiapa yang ingin diluaskan rezekinya serta dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung pertalian silaturrahim."*

(Al-Bukhari)

Disamping itu, banyakkian bersedekah untuk ibu bapa walaupun mereka sudah tiada adalah antara amalan yang dituntut. Hal ini ada dijelaskan di dalam sebuah hadis (Al-Bukhari, 2001: 1388; Muslim, t.th.: 1004):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُجِّي افْتُلِّتْ نَفْسَهَا وَلَمْ تُوصِ، وَأُظْنُّهَا لَوْ تَكَلَّمْتُ تَصَدَّقْتُ، أَفَلَهَا أَجْرٌ، إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا؟ قَالَ: «نَعَمْ.»

Maksud: *Sayidatina 'A'ishah RA menceritakan bahawa seorang laki-laki bertanya kepada Nabi SAW dengan pertanyaannya, "Sesungguhnya ibuku meninggal dunia, dan saya kira jika dia dapat bicara dia akan bersedekah, apakah saya juga akan mendapatkan pahala jika saya bersedekah atas namanya?" Baginda SAW menjawab, "Ya."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Kesimpulan daripada kesemua tanggungjawab ini adalah melambangkan tuntutan kepada anak agar mereka dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada ibu bapa mereka dan menjaga ibu bapa ketika mereka sudah tua dan tidak berdaya merupakan kewajipan anak-anak. Hal ini kerana ibu bapa adalah anugerah yang teristimewa yang diberi Allah SWT kepada anak untuk membolehkan mereka masuk ke syurga.

Kelebihan Dikurniakan Anak

Pelbagai kelebihan diberi oleh Allah SWT kepada insan yang mempunyai anak. Antaranya ialah ikatan perkahwinan lebih kukuh serta wujud keharmonian dalam kekeluargaan dan persaudaraan. Suasana sebuah keluarga akan bertambah meriah dengan kehadiran cahaya mata, lebih ramai anak lebih seronok walaupun menguruskannya agak mencabar. Walau bagaimanapun, cabaran itu dapat mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan. Disamping itu, hubungan suami isteri juga lebih rapat kerana suami menghargai isterinya setelah melihat serta memahami kesusahan isteri menanggung kesakitan semasa mengandung dan ketika melahirkan anak. Sebagai contoh, Rasulullah SAW sangat mencintai dan menghargai isterinya Khadijah RA kerana memberikan baginda anak (Saidun & Daud, 2017). Kenyataan ini sebagaimana hadis yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW kepada Sayidatina 'A'ishah RA ketika beliau sangat cemburu akan cinta Rasulullah SAW kepada Sayidatina Khadijah. Rasulullah bersabda (Ahmad, 2001: 24864):

قَدْ آمَنْتَ بِي إِذْ كَفَرَ بِي النَّاسُ وَصَدَّقْتَنِي إِذْ كَذَّبَنِي النَّاسُ وَوَأَسْتَنِي بِمَالِهَا إِذْ حَرَمَنِي النَّاسُ وَرَزَقَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَلَدَهَا إِذْ حَرَمَنِي أَوْلَادَ النَّسَاءِ

Maksud: *Khadijah beriman kepadaku ketika orang mengikari. Dia membenarkan aku ketika orang mendustakan. Dan dia memberikan hartanya kepadaku ketika orang tidak memberikanku apa-apa. Allah mengurniakan aku anak darinya dan mengharamkan bagiku daripada selain dia'*

(Ahmad)

Hadis ini, menerangkan bahawa Rasulullah SAW menegaskan kelebihan Khadijah adalah kerana beliau diberikan rezeki dengan dapat memberikan zuriat kepada Rasulullah SAW serta memberi sokongan ketika berdakwah.

Seterusnya, pasangan suami isteri yang kesempitan kewangan ketika dikurniakan cahaya mata atau ketika penambahan ahli keluarga adalah cabaran yang ada hikmah disebalik. Suami dan isteri akan berusaha mencari nafkah dengan bersungguh-sungguh untuk memberi yang terbaik demi anak-anak mereka dari segi pendidikan, penempatan serta keperluan harian. Malah, kepenatan meningkatkan kewangan akan mendorong sesebuah keluarga untuk memikir secara kreatif dan bermotivasi untuk meneruskan kehidupan seharian. Oleh demikian, memiliki cahaya mata menjadi faktor Allah SWT mengurniakan rezeki (Shamsuriyadi, 2014).

Selanjutnya, didikan agama yang betul akan melahirkan anak yang soleh dan solehah. Malah, ibu bapa juga berpeluang untuk memperolehi pahala daripada anak-anak yang soleh (Nazri, 2014). Anak-anak dapat mendoakan kepada ibu bapa apabila mereka sudah meninggal dunia. Dengan adanya doa daripada anak-anak soleh ibu bapa dapat menghindari daripada seksaan api neraka (Sulaiman, 2008). Hal ini demikian terbukti apabila Nabi SAW pernah bersabda seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (t.th.: 1631) sebelum ini.

Memberi peluang anak-anak mempelajari pelbagai ilmu akan menjadi anak tersebut penyumbang bakti kepada negara serta ibu bapa. Selain itu, anak-anak yang diberi pendidikan yang betul selalunya akan sentiasa berusaha untuk meringankan beban kehidupan ibu bapa mereka. Sebagai contoh, anak-anak akan menjaga ibu bapa ketika mereka jatuh sakit. Lebih-lebih lagi sekiranya ibu bapa tersebut tidak dapat menguruskan diri sendiri lagi (Arifin, 2019). Dengan itu, anak-anak perlu membantu menyuapkan makanan, membersihkan diri mereka (menukar lampin dan pakaian) serta menyediakan tempat yang selesa untuk mereka.

Hal ini, menunjukkan kewujudan zuriat dapat memberi manfaat kepada sesebuah keluarga. Maka pasangan yang dikurniakan cahaya mata hendaklah bersyukur dengan nikmat yang Allah SWT berikan.

Cabaran Keluarga dengan Anak

Pelbagai cabaran yang perlu dilalui oleh keluarga yang memiliki cahaya mata untuk pembentukan keluarga yang bahagia. Perubahan dari segi tugas harian merupakan salah satu cabarannya (Tahir, 2008). Anak kecil menangis ketika waktu malam kerana lapar atau tidak selesa menyebabkan ibu bapa kurang waktu tidur serta terganggu pekerjaan untuk keesokan harinya. Disamping itu, terburu-buru menguruskan keperluan anak-anak yang juga memerlukan perhatian. Oleh itu, pengurusan masa dan penagihan masa merupakan salah satu cara untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya, cabaran yang menguji kekuatan sesebuah keluarga adalah apabila dikurniakan anak yang istimewa seperti anak autisme. Anak istimewa ini berbeza dengan anak yang normal kerana mereka memerlukan lebih bimbingan serta penjagaan yang rapi (Razhiyah, 2006). Ibu bapa perlu menyediakan sistem pembelajaran yang betul kepada anak istimewa supaya anak istimewa ini dapat berdikari dengan sendiri. Malah, paling penting adalah keluarga setiap ahli keluarga hendaklah bekerjasama menjaga mereka agar mereka berasa dihargai dan merasa mereka penting di dalam kehidupan keluarga tersebut (Razhiyah, 2006). Ganjaran yang besar akan diberikan kepada mereka yang memiliki anak istimewa ini (Latiff, 2014).

Ibu bapa yang berkerjaya perlu mengimbangi peranan dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan tempat kerja (Muhamad, 2019). Suami tidak boleh melepaskan segala tugas mendidik anak kepada isteri, suami perlu memainkan peranan mengurangkan beban kerja isteri (Noor, 2014). Oleh itu, berkomunikasi antara ahli keluarga dengan cara yang baik merupakan salah satu penyelesaiannya (Tahir, 2008). Malahan, secara tidak langsung sebuah keluarga itu menggunakan konsep muafakat melalui perbincangan dan perbincangan. Disamping itu, tugas penjagaan anak dan kerjaya dapat berjalan dengan lancar (Khalid, 2016).

Kemudian, cabaran keluarga mendidik anak-anak. Pembentukan modal insan cemerlang dan berkualiti memerlukan kerjasama dan komitmen intitusi keluarga terutamanya melalui peranan

ibu bapa (Hamzah et al., 2015). Peringkat awal memberi pendidikan kepada anak-anak amat penting. Terutamanya mengajar anak-anak solat dan menyempurnakan solat. Oleh itu, ibu bapa perlu menunjukkan contoh seperti menunaikan solat diawal waktu dan mengajak anak-anak menunaikan solat berjemaah serta menerangkan kepada mereka kelebihan solat dalam kehidupan. Tanpa sedar, anak-anak meniru serta mengikut tingkah-laku ibu bapa. Malahan, ibu bapa mudah untuk menguruskan anak-anak yang taat kepada agama.

Seterusnya, mendidik anak-anak pada era globalisasi ini sangat mencabar. Di era ini, dunia siber semakin berkembang dengan penggunaan internet yang tidak terkawal serta penyiran media massa yang menyiarkan kandungan negatif (Razak & Hussain, 2007). Hal ini akan menyebabkan anak-anak akan terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Oleh demikian, ibu bapa perlu memantau aktiviti-aktiviti harian anak-anak. Antara caranya, adalah memilih sekolah yang sesuai untuk memastikan anak-anak mereka seimbang dari segi sahsiah dan akademik serta penghayatan dalam agama (Hamzah et al., 2015). Ibu bapa menghadapi cabaran dalam mengajar anak-anak mereka baik buruk sesuatu perkara yang akan dihadapi oleh anak-anak mereka. Apatah lagi, zaman sekarang yang banyak dipengaruhi dengan hubungan ketiga, iaitu kawan-kawan. Kalau ibu bapa anak-anak tersebut mengambil berat terhadap anak mereka, maka ibu bapa mereka akan memeriksa dan mengambil tahu siapakah kawan atau hubungan selain dari keluarga tersebut. Ibu bapa akan memendung perkara ini dengan mengenal pasti baik buruk seorang kawan kepada anak-anak mereka. Bagaimana pula dengan ibu bapa yang sering sibuk dengan kerja dan tiada masa untuk meluangkan kepada anak-anak mereka. Bila berlaku keadaan seperti ini, maka anak-anak mereka mula mencari kasih sayang atau perhatian dari luar (Said, 2018). Bila anak-anak mereka mengatakan ada perjumpaan atau ingin keluar bersama kawan maka, ibu bapa perlu mengawasi anak-anak mereka. Beginilah, anak-anak mencari atau melalui jalan yang salah. Inilah dikatakan, bila tuhan mengurniakan anak kepada kita, maka kita bertanggung jawab sehingga ke akhirat.

Anak-anak sekarang bukan sahaja memerlukan kasih sayang tetapi mereka mengharapkan sesuatu yang baru dan sentiasa ada yang dapat diperolehi daripada ibu bapa mereka. Seperti anak-anak mengharapkan ibu bapa mereka membawa anak-anak mereka pergi untuk bercuti. Bagi ibu bapa yang kaya mereka akan membawa anak-anak mereka bercuti panjang. Bagi ibu bapa yang kurang mampu mereka boleh membawa anak-anak mereka ke padang permainan. Hal ini demikian salah satu perkara yang betul-betul mencabar bagi ibu bapa bagi meluangkan masa mereka kepada anak-anak yang berharga.

Ibu bapa juga perlu mempercayai anak-anak mereka tetapi bukan secara membuta (Shamimi, 2019). Contoh zaman sekarang ibu bapa membenarkan anak-anak menggunakan gajet seperti computer dan telephone bimbit atas alasan ingin membuat kerja sekolah atau lain kata bagi ibu bapa yang malas melayan atau ingin anak-anak mereka diam dan senyap bagi menjalankan atau tidak mahu anak-anak mereka mengganggu mereka semasa mereka sibuk. Inilah cara memberi ruang kepada anak-anak mereka untuk mencuba atau melalui haluan yang salah. Dimana anak-anak mereka mengambil kesempatan daripada ibu bapa mereka. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, maka ibu bapa perlulah sentiasa mengawasi gerak geri anak-anak mereka. Bila ibu bapa boleh merasai sesuatu perkara itu pelik maka perlulah mengetahui dengan kadar segera. Ibu bapa jangan sesekali mengatakan 'saya percaya anak saya' atau 'anak saya tidak akan buat seperti itu'. Inilah punca dimana anak-anak dapat melalui jalan yang salah.

Kesimpulannya, ketabahan perlu ada pada insan yang dikurniakan anak. Setiap cabaran mempunyai cara untuk mengatasinya serta ada hikmahnya.

KELUARGA TANPA ANAK

Hikmah keluarga tanpa anak, cabaran keluarga tanpa anak, cara atau tindakan yang boleh diamalkan sekiranya tidak dikurniakan anak akan dibincangkan dalam subtajuk ini.

Hikmah Keluarga Tanpa Anak

Memberi peluang kepada anak-anak yatim atau anak daripada keluarga yang kurang kemampuan untuk mendapat jagaan yang lebih baik. Pasangan yang tidak dikurniakan zuriat boleh mengambil kira untuk mengambil anak-anak ini sebagai anak angkat. Bukan sahaja mereka dapat merasa pengalaman menjaga dan membesarkan anak-anak, malah ini juga menjadi tiket mereka untuk ke syurga. Tambahan lagi, mengambil anak angkat hukumnya adalah harus mengikut syarak dalam Islam (Ismail, 2018).

Selain daripada itu, membuka peluang kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat untuk menggunakan masa mereka dengan melakukan pelbagai perkara yang bermanfaat. Sebagai contoh, lebih menfokuskan diri kepada pekerjaan atau mengisi masa lapang dengan beribadah kepada Allah SWT.

Insan yang dikurniakan cahaya mata dapat menjana pahala daripada anak-anak yang soleh. Manakala, insan yang tidak dikurniakan cahaya mata memperolehi pahala daripada nikmat harta yang banyak dari Allah SWT (Nazri, 2014). Mereka yang masih belum memiliki zuriat juga mempunyai lebih masa untuk merapatkan hubungan bersama pasangan, sementara tidak mempunyai komitmen anak. Peluang ini hendaklah digunakan sebaiknya untuk mengenali dengan lebih mendalam pasangan masing-masing supaya dapat mengharungi ujian yang berikan bersama-sama serta dapat menguatkan lagi ikatan perkahwinan.

Akhir sekali, memiliki anak adalah anugerah terindah yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Kehidupan keluarga tanpa zuriat juga merupakan pemberian dari Allah SWT. Maka pemberian itu hendaklah disyukuri kerana setiap pemberi dari-Nya mempunyai hikmahnya sendiri.

Cabaran Keluarga Tanpa Anak dalam Islam

Pertama sekali ialah cabaran dari segi psikologi. Setiap pasangan selalunya memasang hasrat untuk memiliki zuriat selepas perkahwinan. Akan tetapi bukan semuanya akan terhasil. Hal ini menyebabkan tekanan perasaan dan jiwa akan wujud dalam diri pasangan tersebut. Disamping itu, masyarakat juga sering memandang serong atau memandang rendah terhadap pasangan yang tidak mampu melahirkan zuriat (Saidun & Daud, 2017). Sebagai contoh, masyarakat memberi pelbagai gelaran seperti tidak subur, tidak mampu beranak atau lebih kecewa apabila dikatakan mandul. Pandangan sinis ini menyebabkan pasangan tersebut sedih serta tertekan. Hal ini tidak sepatutnya berlaku dalam masyarakat terutama bagi umat Islam kerana wanita yang tidak mampu melahirkan anak merupakan luar daripada kuasanya.

Selain itu, aktiviti solat berjemaah mungkin kurang dilaksanakan dalam sesebuah keluarga tanpa anak-anak kerana solat berjemaah lebih terasa keseronokannya sekiranya dapat dilaksanakan dengan lebih ramai ahli (Zulkifli, 2019). Malah, sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri juga terasa kurang meriah tanpa kehadiran anak-anak di sisi.

Masa depan lebih terjamin sekiranya adanya zuriat. Anak-anak dapat menjaga serta memberi nafkah kepada ibu bapa pada usia tua mereka nanti. Disamping itu, paling utama anak-anak dapat mendoakan kepada ibu bapa apabila mereka sudah meninggal dunia. Dengan adanya doa daripada anak-anak soleh ibu bapa dapat menghindari daripada seksaan api neraka. Hal ini demikian terbukti daripada yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (t.th.: 1631) sebelum ini.

Masalah kesihatan sehingga tidak berupaya untuk melahirkan zuriat boleh menyebabkan berlakunya penceraian. Oleh demikian, ini adalah salah cabaran yang dihadapi oleh keluarga tanpa anak. Pada masa yang sama, ini dapat memberi peluang untuk individu tersebut mencari pasangan lain untuk mendapatkan zuriat dan kebahagiaan. Walaupun Allah SWT mungkin menguji wanita yang mempunyai masalah kesihatan dengan ketidakupayaan untuk melahirkan zuriat semasa perkahwinan sebelumnya, namun mereka masih boleh berikhtiar dengan perkahwinan seterusnya.

Berpoligami juga merupakan antara cabaran bagi keluarga yang tidak mempunyai anak. Pada asasnya, menurut pendapat Islam, perkahwinan adalah seorang isteri sahaja untuk seorang

suami. Hal ini kerana ia bersepadan dengan kelakuan manusia dalam keadaan normal (Ismail, 2018). Namun begitu, poligami digalakkan dalam Islam sekiranya isteri pertama atau kedua tidak mampu melahirkan anak atas faktor tertentu (Mustafar & Badhrulhisham, 2018). Menurut Islam, suami hanya dibenarkan mengahwini sehingga empat orang isteri sahaja.

Secara keseluruhannya, perkara ini boleh dikaitkan dengan kisah isteri Rasulullah SAW, iaitu Aisyah RA yang tidak dikurniakan zuriat tetapi beliau tetap bahagia bersama suami tercinta di syurga. Hal ini demikian menunjukkan bahawa Aisyah sangat tabah dalam perkahwinannya walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran. Disamping itu, hal ini dapat memberi pengajaran kepada pasangan di luar sana yang menghadapi ujian untuk tetap cekal mengharunginya kerana Allah SWT pasti menjanjikan ganjaran kepada hambanya yang sabar dalam apa jua keadaan.

Cara Atau Tindakan Yang Boleh Diamalkan Apabila Tidak Dikurniakan Anak

Tiada zuriat dalam keluarga sangat memberi kesan emosi yang negatif terhadap pasangan yang berkahwin. Oleh itu, pasangan yang mengharap kehadiran anak boleh mengambil beberapa tindakan ini, iaitu tidak berputus asa dengan rahmat Allah SWT dengan teruskan usaha dan berdoa; bertawakal dan bersangka baik kepada Allah SWT semasa menghadapi ujian dan dugaan; memperbaiki prestasi diri; dan memperbanyakkan sedekah sebagai satu cara beramal dengan harta berbanding beramal dengan nafkah

Tidak Berputus Asa dengan Rahmat Allah SWT dengan Teruskan Usaha dan Berdoa

Mengambil iktibar atau pandangan daripada rakan rakan yang pernah melalui pengalaman yang sama. Disamping itu, bersangka baik kepada Allah SWT kerana dia lebih mengetahui waktu yang tepat bagi mengurniakan zuriat kepada sesebuah keluarga. Kisah Nabi Zakaria AS boleh diambil sebagai contoh, apabila baginda diberi ujian tidak dikurniakan anak sehingga tua. Akan tetapi baginda tidak pernah berhenti memohon doa kepada Allah SWT agar dikurniakan anak. Maka Allah SWT memperkenankan doa Nabi Zakaria AS dengan dikurniakan seorang anak lelaki, iaitu Nabi Yahya AS (Wahab, 2018).

Bertawakal dan Bersangka Baik kepada Allah SWT Semasa Menghadapi Ujian dan Dugaan

Bertawakal dan bersangka baik kepada Allah SWT yang memberikan ujian dengan ketiadaan anak. Hal ini kerana belum tentu pemberian anak akan menjadikan pasangan berkahwin itu lebih bahagia. Kadang-kadang ujian dengan kedatangan anak lebih besar berbanding tanpa anak. Hal ini seperti mana firman Allah SWT:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْبُؤُوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Maksud: *Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.*

(Surah al-Baqarah, 2: 216)

‘Ujian ini terlalu berat’ atau ‘saya tidak sanggup menghadapinya’ adalah ungkapan yang sering didengari oleh keluarga yang tidak dikurniakan zuriat. Hal demikian kerana sesebuah keluarga beranggapan dengan adanya zuriat akan bahagia serta lebih terjamin. Walaubagaimanapun, tidak semestinya pasangan yang mempunyai anak akan bahagia kerana anak-anak juga boleh menarik ibu bapa mereka ke neraka sekiranya tidak dididik dengan betul. Oleh itu, ini menunjukkan

manusia hendaklah reda dan sabar dengan ketentuan Allah SWT. Allah tidak akan sesekali menguji hamba-Nya diluar batasan kekuatan hamba-Nya. Firman-Nya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۚ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Maksud: *Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.*

(Surah *al-Anbiya*, 21: 35)

Ayat ini menegaskan tentang apa sahaja yang menimpa kepada diri seperti tidak dianugerahkan anak merupakan satu ujian untuk Allah SWT melihat adakah pasangan ini bersabar atau tidak.

Memperbaiki Prestasi Diri

Seterusnya, kelewatan dikurniakan zuriat mungkin disebabkan Allah SWT memberi peluang kepada keluarga memperbaiki prestasi dengan amanah yang ada sebelum diberi amanah yang baru (Saidun & Daud, 2017). Prestasi yang paling utama yang perlu dilihat secara mendalam ialah solat. Setiap pasangan yang mungkin sebelum ini sukar untuk menunaikan solat fardu lima waktu hendaklah menyempurnakan ibadah tersebut. Hal ini demikian kerana sebelum dikurniakan anak, sesebuah keluarga tersebut haruslah memperbaiki akhlak dalam indeks KPI, iaitu *key performance indicator* sebagai hamba-Nya yang taat kepada Tuhan.

Kemudian, mereka hendaklah memperbaiki pretasi dari segi tanggungjawab terhadap kedua ibu bapa dengan menjadi anak yang soleh. Contohnya, meluangkan lebih masa serta memberi nafkah kepada ibu bapa. Sekiranya ibu bapa sudah meninggal dunia, bantulah mereka dengan mendedahkan doa serta melakukan amalan kebaikan yang berterusan bagi membantu ibu bapa menambah amalan sebagai bekalan pahala mereka dipadang masyar kelak. Secara tidak langsung, mereka dapat belajar untuk mendidik anak-anak mereka menjadi anak yang soleh jika dikurniakan oleh Allah.

Memperbanyakkan Sedekah Sebagai Satu Cara Beramal dengan Harta Berbanding Beramal dengan Nafkah

Akhir sekali, banyakkan bersedekah kepada orang yang memerlukan agar keluarga tiada anak dimurahkan rezeki (Saidun & Daud, 2017). Hal ini sepertimana firman Allah SWT:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

Maksud: *Dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu maka Allah yang menggantikannya dan Dia merupakan sebaik-baik pemberi rezeki.*

(Surah *Saba*, 34:39)

Terbukti perbelanjaan ibu bapa untuk anak-anak adalah sesuatu yang memberi pahala yang besar di sisi Allah SWT. Semua perbelanjaan tersebut akan digantikan oleh Allah SWT dalam bentuk rezeki yang lain. Oleh kerana itu, ibu bapa tidak perlu bimbang untuk berbelanja buat anak-anak mereka.

KISAH TELADAN NABI BERKAITAN DENGAN ANUGERAH ANAK

Terdapat beberapa kisah dalam al-Quran yang berkaitan dengan cahaya mata. Tujuan kisah-kisah ini diceritakan adalah supaya manusia mengambil pengajaran dan bagi membuktikan lagi tentang janji Allah SWT.

Kisah Tentang Nabi Ibrahim AS

Nabi Ibrahim AS merupakan seorang yang melalui pelbagai ujian untuk menegakkan agama Islam. Baginda rela melepaskan segala miliknya apabila perkara tersebut menghalang baginda mengabdikan diri kepada Allah SWT. Nabi Ibrahim sanggup meninggalkan bapanya, kekayaannya, sahabat, saudara mara serta tempat tinggal demi mentauhidkan diri kepada Allah SWT (Jasmi, 2019b).

Disamping itu, perkahwinan baginda dengan Siti Hajar tidak dikurniakan anak tidak dijadikan alasan baginda untuk bersedih mahupun kecewa. Malah, baginda tidak putus asa dengan memohon doa agar dikurniakan anak yang soleh (Ghazali, 2005). Setelah puluhan tahun menanti, doa baginda dikabulkan Allah SWT dengan dikurniakan seorang anak lelaki yang soleh, iaitu Nabi Ismail AS. Memiliki anak lelaki merupakan suatu perkara yang sangat dinantikan oleh Nabi Ibrahim AS kerana ingin keturunannya berterusan. Namun begitu, baginda diperintahkan oleh Allah SWT untuk mengorbankan Nabi Ismail AS. Nabi Ismail AS juga sanggup dikorbankan sekiranya hal tersebut diperintahkan Allah SWT. Oleh itu, baginda menurut perintah Allah SWT serta mengetepikan emosi dan akal fikiran. Hal ini menunjukkan bahawa baginda berjaya melepasi ujian yang diberi. Oleh itu, Allah SWT melindungi Nabi Ismail AS serta menggantikannya dengan haiwan lain untuk disembelih (Saidun & Daud, 2017). Selepas itu, Allah SWT mengurniakan lagi seorang bayi lelaki, iaitu Nabi Ishak AS di mana ibu baginda merupakan Sarah AS.

Pengajaran dari kisah ini adalah ganjaran yang hebat bakal menanti seseorang jika mereka bersabar menempuhi ujian yang ditrunkan oleh Allah SWT.

Kisah Tentang Ibu Bapa Maryam AS

Imran seorang yang soleh serta merupakan bapa kepada Maryam AS. Begitu juga dengan ibunya Maryam juga merupakan seorang wanita yang solehah (Saidun & Daud, 2017). Sebelum dikurniakan anak, isteri Imran bernazar agar anaknya dapat berkhidmat di Baitulmuqaddis apabila besar kelak serta mahu anaknya diserahkan kepada ahil ibadah di masjid (Yussof, 2017).

Setelah Maryam AS dilahirkan, ramai yang berebutkan Maryam kerana Maryam adalah anak Imran. Isteri Imran memutuskan untuk diberikan kepada suami ibu saudaranya, Nabi Zakaria AS. Ketika itu, Nabi Zakaria AS adalah khadam di dalam Masjid Al-Aqsa.

Kisah ini menunjukkan bahawa isteri Imran AS menginginkan zuriat yang dapat berkhidmat kepada agama bukan hanya untuk memiliki anak bagi memenuhi tuntutan fitrah manusia. Pengajaran daripada kisah ini adalah dimana orang yang soleh dapat memberi didikan yang baik serta membimbing anak menjadi seorang yang soleh.

PENUTUP

Kesimpulan daripada kajian ini adalah kebahagiaan sesebuah keluarga bukan bergantung kepada kehadiran zuriat tetapi kepada ketentuan yang ditetapkan oleh Allah SWT. Walaubagaimanapun, sesebuah keluarga yang memiliki zuriat mempunyai banyak kelebihan sekiranya didikan yang sempurna serta mengikut landasan agama Islam diberi kepada anak-anak. Namun, ketidakhadiran zuriat daripada Allah SWT bukan sesuatu yang tidak baik tetapi adalah sebagai ujian kepada hamba-Nya serta ada hikmah yang terbaik kepada mereka. Malahan, setiap ujian itu adalah ganjaran besar di akhirat kelak kepada mereka yang bersabar dan reda. Oleh demikian, memperbanyakkan doa agar kehidupan sesebuah keluarga dipermudahkan urusan. Kertas kajian ini diakhiri dengan firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَا فَلَيْسَ تَجِيبُوا لِي وَلِيُؤْمِنُوا بِي
لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

Maksud: Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.

(Surah al-Baqarah, 2:186)

Akhir kalam, setiap pasangan yang berumah tangga perlulah sentiasa bersedia menempuhi segala ketentuan Allah SWT dalam kehidupan berkeluarga tidak kiralah sama ada mereka mempunyai anak mahupun tidak mempunyai anak.

RUJUKAN

- Abdul Jamal, Nor Rashidah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Persepsi Pelajar SPI yang Berkahwin Tentang Perkahwinan Semasa Belajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad Sanusi, Abu Fuad Firdaus. (2005). *Pedoman Pendidikan Islam sejak Anak dalam Kandungan*. Kuala Lumpur: Pustaka Abu Hurairah.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Alias, Hasbullah Hafiz, Abdul Hamid, Mohd Hakimi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Melayar Keluarga yang Cemerlang dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Anshor, Maria Ulfah, & Ghalib, Abdullah. (2010). *Parenting with Love: Panduan Islamik Mendidik Anak Penuh Cinta dan Kasih Sayang*. Bandung: Mizania - Publisher.
- Arifin, Latifah. (2019, April 9). Jaga ibu bapa wajib lepas kahwin. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/550542/jaga-ibu-bapa-wajib-lepas-kahwin>
- Ayoup, Muhammad Mushfique Bin Ahmad. (2019). IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-356: TANGGUNGJAWAB ANAK TERHADAP IBUBAPA. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3212-irsyad-al-hadith-siri-ke-356-tanggungjawab-anak-terhadap-ibubapa>
- Dalip, Abdul Raof. (2006). *Rahsia Di Sebalik Jodoh & Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn.Bhd.
- Daud, Mustaffa. (2005). *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- Ghazali, Khairul. (2005). *Kisah-kisah doa dan taubat para nabi*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Hamzah, Naemah. (2017). Nikah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Kedua ed., Vol. 1, pp. 140-142). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Hamzah, Naemah, Mustari, Mohd Ismail, & Basiron, Busharah. (2015). Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. 5(1), 13.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ilahi, Karim. (2000). *Jodoh Perkahwinan & Rumah tangga Bahagia*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Isa, Mohd, Fahmi, Arif, Yahya, Muhd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Wanita dan Perkahwinan dalam Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, Ahmad Tarmiizi. (2018, Oct 21). Patuhi hukum syarak ambil anak angkat. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.pressereader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20181021/282179357062239>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008). *Perkahwinan Semasa Belajar: Kebaikan dan Keburukannya dalam Pembangunan Pelajar Universiti*. Kertas kerja Dibentangkan di Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Dewan Sultan Ismail, UTM. <http://eprints.utm.my/41079/1/Perkahwinan-Semasa-Belajar-Kebaikan-dan-keburukannya-dalam-Pembangunan-Pelajar-Universiti>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Bukti Kewujudan Allah dan Kebenaran Al-Quran: Surah al-Baqarah (2: 21-25)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018f). *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 5: Program Budaya al-Quran. 16hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019a). *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 18: Program Budaya al-Quran, 31 Januari 2019, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019b). *Jasa Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 123-129)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Kadir, A.M.S. (2014). *Projek Anak Luar Biasa*.
- Kamsah, Mohd. Fadhilah. (2005). *Kaedah Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Khalid, Norfaezah Md. (2016). Kesan kefunsian keluarga asal, pembezaan sendiri, dan sikap terhadap peranan gender ke atas kualiti perkahwinan. 305.
- Latiff, Dr. Khalib Abdul. (2014). Anak Istimewa: Anugerah paling berharga. *WARIS*, 3, 47.
- Md Saman @ Osman, Asri. (2012). *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohamad Fauzi, Muhammad Shafiq, Mohd Sofian, Siti Nur Akira, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Persediaan Asas ke Gerbang Perkahwinan*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Mohamed, Zahazan. (2006). *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Isa, Arif Fahmi, Yahya, Muhd. Aizat, & Jasmi, Kamarul Azmi (2012). *Wanita dan Perkahwinan dalam Islam. Prosiding Seminar Tamadun 2012*, 13.
- Mohd Yusof, Ahmad Nazri (2017, Februari 15). Memahami Matlamat Perkahwinan. *BH online*.

- Muhamad, Hasimi. (2019). Ramai suami isteri di Malaysia enggan tambah jumlah anak. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ramai-suami-isteri-di-malaysia-enggan-tambah-jumlah-anak-212410>
- Mun, M.T.A.A. (2010). *Meraih Berkah Dengan Menikah*. Yogyakarta: Pustaka Marwa.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafar, Farrah Wahida, & Badhrulhisham, Adam. (2018). Konsep Poligami Mengikut Perspektif Para Isteri dalam Jemaah Global Ikhwan Sdn. Bhd. *Maw'izah*, 1(65-88), 24.
- Nazri, Mohd Kahirul Nizam Zainan. (2014). *Buat Pahala Free Gaya Rasullulah* (1 ed.). Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Noor, Halina Mohd. (2014). Cabaran Keluarga dwikerja. *Berita Harian*.
- Pusat Penyelidikan Islam Malaysia. (1994). *Tanggungjawab Ibu Bapa dan Anak Menurut al-Quran dan Sunnah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Razak, Ratna Roshida Abd., & Hussain, Nik Haslida Nik. (2007). Peranan intitusi keluarga dalam penjaanan bangsa bertamdu. *Kemanusiaan*, 5.
- Razhiyah, K.A. (2006). *Anak istimewa panduan bagi ibubapa membesarkan anak istimewa* (Nor Hafizah Samsudin Ed.). Bentong: PTS Professional Publishing SDN bhd.
- Said, Sakini Mohd. (2018, 2 Nov). Cabaran Kritikal Institusi Kekeluargaan. *Bernamea*. Retrieved from <http://bernama.com/bm/news.php?id=1660671>
- Saidun, Salilah, & Daud, Auni Aslah Mat. (2017). *Anak, Jika Tiada Bersangka Baiklah Dengan Allah* (Nabilah Saiful Bahrin Ed. 1 ed.). Batu Caves: Must Read Sdn Bhd.
- Shamimi, Intan Mas Ayu. (2019). Cabaran didik anak seiring zaman. *Harian metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/01/300280/cabaran-didik-anak-seiring-zaman>
- Shamsuriyadi, Mohd. (2014). *21 Formula Murah Rezeki: Formula Terbaik...Kembali Kepada Islam*. Kuala Kangsar: Ebook Media Publishing.
- Sulaiman, Saat. (2008). *Anak adalah anugerah*. Cheras: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Tahir, Endok Sempo Mohd. (2008). *Mengapa Saya Bekerja? Cerita-cerita Inspirasi Wanita Bekerjaya* (Siti Nor Fadilah Salleh, Nor Hafizah Mohd Samsudin, & Nahddatun Nisaak Othman Ed.). Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Wahab, Suhaida Abdul. (2018). Buat Pasangan Yang Diuji Belum Ada Rezeki Anak. *Mingguan Wanita*. Retrieved from <https://www.mingguanwanita.my/buat-pasanagn-yang-diuji-belum-ada-rezeki-anak/>
- Yussof, Asri. (2017). Bukti Dahsyatnya Doa Ibu - Doa Hannah, Ibu Maryam Untuk Mendapatkan Anak. Retrieved from <https://pts.com.my/berita/bukti-dahsyatnya-doa-ibu-doa-hannah-ibu-maryam-untuk-mendapatkan-anak>
- Zaki, Engku Ahmad. (2010). *Aku Nikah Akan Dikau*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Zulkifli, Ahmad Rabiul. (2019). Seronok beraya dengan 4 isteri, 14 anak. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/06/571818/seronok-beraya-dengan-4-ister-14-anak>.

